

**Program Transformasi Landasan Untuk Capai Taraf Negara Maju 2020 - Husni Bernama**  
**8 April, 2012**

IPOH, 8 April (Bernama) -- Program transformasi yang diperkenalkan kerajaan berjaya meletakkan negara di landasan yang betul ke arah mencapai taraf negara maju pada tahun 2020, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Beliau berkata empat program yang dilancarkan sebelum ini menjadi formula penting dan asas di dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara bagi mengeluarkan negara daripada krisis ekonomi dunia.

Beliau berkata Program Transformasi Kerajaan (GTP), Transformasi Ekonomi (ETP), Transformasi Luar Bandar dan Transformasi Politik (PTP) merupakan formula penting kepada negara untuk mencapai pertumbuhan mampan.

"Seperti yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, pencapaian GTP telah mencapai sasaran lebih awal dan mencatatkan perkembangan lebih 100 peratus di dalam kesemua enam bidang yang telah ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian komputer riba kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Jati.

Ahmad Husni berkata formula yang digunakan ini berjaya meletakkan Malaysia di landasan yang betul dan mengikut sasaran walaupun dalam masa yang sama pertumbuhan ekonomi dunia tidak seimbang.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657725>